

Langkah-langkah untuk Memupuk Amalan Nilai Kebersihan di Kalangan Rakyat

Isu budaya menjaga kebersihan di kalangan rakyat kerap menjadi topik perbincangan di negara kita oleh pemimpin negara dan media massa. Hal ini demikian kerana aspek kebersihan amat (1) _____ dalam kehidupan seharian. Pada pendapat saya, aspek kebersihan juga penting kepada negara kerana sektor pelancongan merupakan pemacu ekonomi negara. Jika isu kebersihan ini tidak ditangani dengan serius, dikhuatiri imej dan potensi negara sebagai destinasi pelancongan pasti akan (2) _____. Beberapa langkah yang efektif perlu diambil untuk memupuk budaya bersih di negara kita.

Langkah pertama yang perlu dilaksanakan ialah pihak kerajaan mestilah memupuk amalan kebersihan di kalangan rakyat. Kerajaan boleh melaksanakan kempen kebersihan melalui Kementerian Kesihatan dan Kementerian Penerangan. Kementerian Kesihatan boleh menjalankan kempen menjaga kebersihan melalui kempen gaya hidup sihat yang menitikberatkan penjagaan kebersihan diri dan (3) _____ tempat tinggal. Manakala Kementerian Penerangan pula boleh menjalankan kempen kebersihan melalui rancangan televisyen dan radio. Pihak kerajaan juga boleh (4) _____ undang-undang penjagaan kebersihan alam sekitar yang telah ada.

Ibu bapa juga memainkan peranan penting dalam memupuk amalan kebersihan di kalangan anak-anak. Hal ini kerana banyak masa anak-anak dihabiskan bersama ibu bapa. Oleh itu, ibu bapa mestilah menunjukkan (5) _____ yang baik dalam menjaga kebersihan diri dan persekitaran rumah. Pada waktu tertentu, ibu bapa hendaklah mengamalkan gotong-royong bersama anak-anak untuk membersihkan persekitaran rumah mereka. Jika ibu bapa dapat menunjukkan contoh yang baik kepada anak-anak dalam amalan nilai kebersihan, pasti anak-anak akan (6) _____ budaya menjaga kebersihan dalam kehidupan seharian dari kecil sehinggalah mereka dewasa.

Masyarakat juga mempunyai tanggungjawab dalam memupuk amalan kebersihan di kalangan rakyat. Sikap masyarakat sememangnya banyak memberi kesan kepada amalan nilai kebersihan. Oleh itu, masyarakat sewajarnya (7) _____ nilai kebersihan dalam kehidupan seharian supaya generasi muda dapat mencontohinya. Sebagai contoh, ahli masyarakat yang lebih dewasa tidak boleh membuang sampah sesuka hati kerana generasi muda akan terikut-ikut dengan perbuatan tersebut. Selain itu, sikap ingat-mengingati tentang amalan kebersihan patut diamalkan dalam masyarakat.

Kementerian Pelajaran juga boleh memainkan peranan dalam penerapan amalan kebersihan di kalangan rakyat. Hal ini kerana Kementerian Pelajaran boleh (8) _____ amalan kebersihan ini melalui bidang kurikulum dan kokurikulum di sekolah. Dalam bidang kokurikulum, amalan kebersihan ini telah terdapat dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Namun demikian, amalan kebersihan dalam mata pelajaran ini boleh (9) _____ lagi. Manakala dalam bidang kokurikulum amalan kebersihan ini boleh diterapkan dalam semua unit beruniform seperti Pengakap, Persatuan Bulan Sabit Merah, Kadet Polis, Pandu Puteri dan sebagainya. Untuk memberikan kesan yang lebih mendalam, Kementerian Pelajaran boleh (10) _____ kempen bulan kebersihan di sekolah-sekolah dan Jabatan Pelajaran Daerah.

Media massa juga boleh memainkan peranan yang penting dalam menerapkan amalan kebersihan di kalangan rakyat. Hal ini kerana peranan media massa dalam mempengaruhi minda rakyat tidak dapat disangkal lagi. Pihak media elektronik seperti televisyen boleh melaksanakan (11) _____ amalan kebersihan dalam kehidupan seharian. Contohnya, pemaparan berita tentang amalan negatif sesetengah pihak yang membuang sampah di merata tempat oleh pihak RTM dan TV3 merupakan suatu usaha yang patut dipuji dan diteruskan. Disebabkan oleh sikap rakyat Malaysia yang mudah lupa, maka kempen-kempen amalan kebersihan yang dijalankan hendaklah (12) _____ dan dipelbagaikan.

Sebagai kesimpulan, jelaslah bahawa setiap pihak mesti memainkan peranan dalam memupuk amalan kebersihan di kalangan rakyat. Pada pendapat saya, amalan kebersihan patut dipupuk di kalangan rakyat dari bangku sekolah lagi, bak kata pepatah “melentur buluh biarlah daripada rebung”. Di samping kempen-kempen kesedaran, pihak kerajaan juga boleh (13) _____ undang-undang tentang kebersihan persekitaran. Bagi golongan rakyat pula, mereka hendaklah bersama-sama dengan kerajaan dalam menjayakan program memupuk amalan kebersihan sehingga menjadi satu budaya hidup rakyat Malaysia. Jika semua pihak dapat memainkan peranan dalam amalan budaya bersih, saya pasti negara akan menjadi (14) _____ pelancongan yang terkenal di Asia dan seterusnya dapat (15) _____ ekonomi negara.

menerapkan (灌输) dimurnikan (改善) mengadakan (举办) kempen (活动) berterusan (持续) menguatkuasakan (加强执行) destinasi (目的地) memantapkan (巩固)	penting (重要) terjejas (受影响) persekitaran (环境) menguatkuasakan (加强执行) contoh (榜样) mengamalkan (实践) mengamalkan (实践)
--	--